

Kempen Jom Raya Bersama iRakyat 2024

Soalan Lazim

1. Siapakah penganjur kempen ini?

Kempen ini dianjurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat).

2. Bilakah kempen ini berlangsung?

Kempen ini berlangsung dari **12 Mac hingga 31 Mei 2024**.

3. Siapakah yang layak menyertai kempen ini?

Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada termasuk warga kerja Bank Rakyat.

4. Bagaimanakah cara untuk menyertai kempen ini?

- a. Pelanggan perlu menjadi pengguna berdaftar iRakyat dan aplikasi perbankan mudah alih iRakyat.
- b. Pelanggan baharu perlu mendaftarkan nombor kad pengenalan (NRIC) atau nombor telefon bimbit sebagai ID DuitNow melalui iRakyat semasa tempoh kempen berlangsung.
- c. Pelanggan perlu melakukan **minimum lima (5)** transaksi pindahan duit raya mengguna pakai **DuitNow QR atau Pindahan DuitNow** melalui laman web iRakyat **atau** aplikasi perbankan mudah alih iRakyat. Rujuk tatacara seperti berikut:

DuitNow QR (Aplikasi)	Pindahan DuitNow (Laman Web atau Aplikasi)
<ol style="list-style-type: none"> 1. Log masuk aplikasi perbankan mudah alih iRakyat 2. Pilih Scan QR 3. Pilih mod Send 4. Pembayar perlu imbas kod QR penerima untuk pembayaran duit raya. 5. Masukkan amaun dikehendaki (minimum RM10.00) dan teruskan transaksi 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Log masuk melalui laman web iRakyat atau aplikasi perbankan mudah alih iRakyat 2. Pilih Pindahan DuitNow 3. Pilih akaun bank anda 4. Pilih Penerima anda 5. Pilih DuitNow ID penerima 6. Masukkan amaun dikehendaki (minimum RM10.00) dan teruskan transaksi

- d. Jumlah minimum transaksi pindahan duit raya ialah RM10.00.
- e. Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik Bank Rakyat pelanggan perlu aktif sepanjang tempoh kempen dijalankan.
- f. Pelanggan yang melakukan bilangan transaksi yang menepati syarat yang telah dinyatakan untuk kempen ini berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan.

5. Saya hanya memuat turun aplikasi perbankan mudah alih iRakyat tanpa melakukan pendaftaran. Adakah saya layak menyertai kempen ini dan berpeluang memenangi hadiah yang ditawarkan?

Tidak. Untuk menyertai kempen ini, pelanggan perlu terlebih dahulu menjadi pengguna berdaftar iRakyat dan perbankan mudah alih iRakyat. Seterusnya, pelanggan perlu melakukan transaksi pindahan duit raya berdasarkan syarat yang dinyatakan di atas.

6. Apakah hadiah yang ditawarkan melalui kempen ini?

Hadiah	Keterangan	Jumlah
Pertama	RM2,000.00 X 1 Pemenang	RM2,000.00
Kedua	RM1,500.00 X 1 Pemenang	RM1,500.00
Ketiga	RM1,000.00 X 1 Pemenang	RM1,000.00
Sagu Hati	RM100.00 X 100 Pemenang	RM10,000.00

7. Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Pelanggan dengan bilangan transaksi pindahan duit raya tertinggi sepanjang tempoh kempen berlangsung yang menepati syarat yang dinyatakan berpeluang dipilih sebagai pemenang.

8. Bilakah dan bagaimanakah pemenang kempen ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas kempen tamat menerusi panggilan telefon daripada Pusat Panggilan Bank Rakyat atau pengumuman melalui laman web Bank Rakyat atau lain-lain medium yang bersesuaian.

9. Bagaimanakah dan bilakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik Bank Rakyat individu milik pemenang dalam tempoh **enam puluh (60) hari** selepas pengumuman dan pengesahan pemenang dilakukan.

10. Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

11. Bolehkah hadiah dikreditkan ke akaun bank lain milik pemenang?

Tidak boleh.

12. Adakah saya boleh memenangi lebih daripada satu hadiah untuk kempen ini?

Tidak boleh.

13. Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik Bank Rakyat individu saya telah ditutup atau tidak aktif selepas senarai nama pemenang diumumkan secara rasmi. Adakah gugur kelayakan saya sebagai pemenang?

Tidak. Kemenangan anda masih sah. Anda perlu:

- a. Membuka Akaun Simpanan-i atau Akan Semasa-i Elektronik yang baharu atau;
- b. Mengaktifkan Akaun Simpanan-i atau Akaun Semasa-i Elektronik sedia ada yang tidak aktif.

Pemenang dianggap tidak berminat sekiranya tiada tindakan dilakukan selepas **empat belas (14) hari** dari tarikh penerimaan makluman daripada Bank Rakyat. Hadiah tersebut akan dilupuskan atau dilucut hak oleh Bank Rakyat.

14. Adakah pelanggan layak untuk menerima hadiah kempen jika berdepan tindakan pembekuan akaun, berstatus mufliis, disenarai hitam atau lain-lain tindakan daripada Bank Rakyat sebelum atau semasa proses pemilihan pemenang dilakukan?

Tidak layak. Penyertaan pelanggan akan terbatal bagi kempen tersebut.

15. Di manakah maklumat lanjut berkaitan kempen ini boleh didapati?

- a. Laman web rasmi Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b. Perbankan internet Bank Rakyat di www.irakyat.com.my
- c. Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454
- d. Media sosial rasmi Bank Rakyat (Facebook/Instagram/X/TikTok)

16. Soalan lazim kempen ini adalah tertakluk pada Terma dan Syarat kempen serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari semasa ke semasa.

-TAMAT-